

02 MAR 1998

ANGGOTA MT TAK BOLEH DICABAR DI BAHAGIAN

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO malam ini mengeluarkan arahan bahawa mana-mana anggotanya yang memegang jawatan ketua bahagian tidak boleh dicabar.

Mereka juga tidak boleh bertanding jawatan ketua bahagian yang dipegang oleh bukan anggota MT, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat MT itu.

"Ini bagi meredakan rebutan dalam pertandingan jawatan ketua bahagian," katanya.

Katanya arahan itu selaras dengan yang ditentukan oleh perlembagaan parti.

MT juga membuat keputusan untuk memecat sembilan anggota parti, tujuh daripada mereka kerana membantu pembangkang pada pilhan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kawasan Sungai Bakap dan dua lagi kerana politik wang.

Empat orang anggota digantung kerana menimbulkan kekecohan pada mesyuarat agung cawangan dan seorang lagi ketua UMNO bahagian dilucutkan hak keanggotaan.

-- BERNAMA

SJA AH ARA MAI